

Laksana tanggungjawab terhadap negara

PILIHAN raya adalah sebahagian daripada proses demokrasi yang amat penting untuk sesebuah negara yang merdeka dan berdaulat di mana rakyat diberi peluang secara bebas untuk memilih dan menentukan parti mana layak memerintah negara. Justeru setiap rakyat yang layak wajib mendaftar dan keluar mengundi ketika pilihan raya.

Berdasarkan perangkaan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) terdapat lebih 18 juta warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas yang layak mengundi dan mengikut rekod Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pula bagi suku ketiga 2016, hanya seramai 14,079,751 orang rakyat Malaysia telah mendaftarkan diri sebagai pengundi.

Ini bermakna seramai 4,060,399 rakyat Malaysia yang layak mengundi dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) didapati masih belum mendaftarkan diri sebagai pengundi. Jelas jumlah ini adalah sesuatu yang cukup serius dan tidak sepatutnya berlaku.

Situasi ini menunjukkan masih ramai rakyat negara ini bersikap sambil lewa, tidak peduli dan leka. Walaupun masing-masing menyedari kepentingan untuk mendaftar sebagai pengundi sekali gus menunaikan tanggungjawab ketika pilihan raya namun kelompok ini masih degil dan tidak ambil serius perkara ini. Hal ini kerana penulis cukup yakin dengan segala kempen kesedaran yang dilaksanakan dan peluang pendaftaran yang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) selama ini. Agak mustahil jika masih ada yang mengatakan tidak tahu kepentingan mendaftar mahupun merungut tiada ruang atau sukar untuk mendaftar.

Hakikatnya apa yang berlaku di negara ini sekarang, bukan saja ramai yang tidak mendaftarkan diri sebagai pengundi tetapi trend yang turut merisaukan adalah yang berdaftar pula tidak menunaikan tanggungjawab keluar mengundi ketika pilihan raya.

Misalnya, mengikut rekod SPR peratusan yang keluar mengundi dalam sesuatu pilihan raya tidak pernah mencecah rekod 100 peratus atau lebih 90 peratus melainkan sekitar 70 hingga 75 peratus sahaja. Sebagai contoh, direkodkan semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak yang lalu hanya 68 peratus yang keluar mengundi.

Keadaan ini menunjukkan tahap kesedaran dalam kalangan



NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED


rakyat kita baik untuk mendaftarkan diri sebagai pengundi mahupun untuk keluar mengundi ketika pilihan raya masih rendah. Justeru perlu dilakukan sesuatu yang lebih efektif untuk menangani isu ini. Bagi yang masih gagal mendaftarkan diri sebagai pengundi misalnya, kita perlu terus merancakkan kempen kesedaran dengan lebih berstrategik.

Kaedah kempen juga perlu lebih menarik dan efektif di samping menggunakan pelbagai pendekatan dan medium yang berkesan. Bagi menarik perhatian golongan muda terutamanya kita perlu banyak menggunakan platform media sosial kerana golongan ini sangat dekat dengan media sosial seperti Facebook, Instagram dan juga Twitter. Maka salurkanlah segala maklumat tentang keperluan untuk mendaftar dan cara-cara untuk mendaftar supaya mesej ini sampai kepada golongan sasaran.

Di samping itu, ruang untuk mendaftar juga perlu diperluaskan. Kaunter-kaunter pendaftaran perlu diperbanyakkan serta memfokus kepada lokasi-lokasi yang lebih strategik. Dalam konteks ini kita perlu keluar mencari mereka yang belum mendaftar dan bukannya sekadar buka kaunter dan menunggu mereka datang mendaftar. Maksudnya, jika didapati golongan muda yang masih ramai yang belum mendaftar maka elok kita pergi mencari mereka.

Misalnya, majoriti daripada mereka mungkin berada di universiti, kolej mahupun institusi pendidikan dan kemahiran lain. Maka eloklah kita adakan kerjasama strategik dengan pihak institusi pendidikan tersebut untuk membuka kaunter pendaftaran secara berkala dan berterusan sepanjang masa. Dalam konteks ini pegawai universiti juga boleh dilantik sebagai ejen pendaftaran pemilih yang bertaualiah supaya proses pendaftaran berjalan dengan cepat dan efektif.

Malah bagi penulis mungkin sudah tiba masanya untuk kita melakukan transformasi terhadap kaedah pendaftaran sebagai pengundi. Misalnya, apakah sudah tiba masanya untuk kita melaksanakan pendaftaran secara atas talian. Kita perlu berubah mengikut trend kemajuan teknologi



SUDAH tiba masanya transformasi dilakukan terhadap kaedah pendaftaran sebagai pengundi antaranya melaksanakan pendaftaran secara atas talian. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

Situasi ini menunjukkan masih ramai rakyat negara ini bersikap sambil lewa, tidak peduli dan leka. Walaupun masing-masing menyedari kepentingan untuk mendaftar sebagai pengundi sekali gus menunaikan tanggungjawab ketika pilihan raya namun kelompok ini masih degil dan tidak ambil serius perkara ini.

yang mana golongan muda hari ini mahu semuanya cepat dan berada di hujung jari di mana mereka boleh melakukan pendaftaran pada bila-bila masa dan dari mana-mana saja dengan menggunakan telefon pintar mahupun tablet.

Walaupun membabitkan isu keselamatan, kesahihan maklumat dan identiti individu yang mendaftar namun tidak mustahil untuk dilaksanakan. Harus diingatkan dewasa ini pelbagai urusan penting seperti urusan perbankan dilakukan secara atas talian dengan selamat melalui pelbagai langkah keselamatan yang terbukti berkesan dan meyakinkan pengguna.

Dan bagi yang sudah mendaftar pula, kita perlu memikirkan kaedah yang sesuai bagi memastikan mereka turun mengundi pada hari pengundian. Kelompok ini perlu disedarkan betapa mereka perlu tampil untuk menunaikan tanggungjawab terhadap negara. Jangan hanya tahu daftar tetapi tidak sanggup turun padang keluar mengundi pada hari kejadian. Ini pasti akan merugikan semua pihak.

Antara alasan yang paling klise adalah terlalu sibuk, tiada masa dan tidak minat dengan politik. Ini menyebabkan mereka tidak mendaftar dan yang mendaftar pula tidak keluar mengundi. Golongan ini perlu sedar betapa ini bukan soal tiada masa ataupun hendak menunjukkan minat terhadap politik tetapi ini adalah hak dan tanggungjawab terhadap masa depan masyarakat dan juga negara. Perlu ingat menyesal dahulu pendapatan dan menyesal kemudian tiada gunanya.

Jadi penulis ingin berpesan kepada semua individu terutamanya golongan muda yang masih belum mendaftar segeralah berdaftar dan bersedialah dari sekarang untuk melaksanakan dan menunaikan tanggungjawab anda terhadap masyarakat dan juga negara. Ingat PRU-14 bakal diadakan tidak lama lagi dan ia dilihat ibu segala pilihan raya yang menentukan masa depan dan hala tuju negara ini.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.